



?

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

? CAWANGAN PERAK

FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR

JABATAN SENIBINA DALAMAN

? JANUARI 2007 - APRIL 2007

Adalah dinyatakan bahawa kajian akhir ini disediakan oleh:

RAFIDAH BINTI OTHMAN

2004424845

Bertajuk

CADANGAN MENAIKTARAF DAN REKABENTUK DALAMAN TANJUNG PIAI RESORT

DI LOT PTD 1276 SERKAT, 82000 PONTIAN, JOHOR DARUL TAKZIM.

Diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk memperolehi

Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia : Cik Mawar binti Masri

27/03/07 .

Koordinator : Cik Mawar binti Masri

Ketua Kursus : Prof. Madya Rusni Abd. Ghani

Koordinator Program

(Tandatangan/Tarikh)



PENGHARGAAN

ASSALAMUALAIKUM..

Kesempatan ini diambil untuk mengucapkan rasa syukur alhamdulillah ke hadrat llahi kerana dengan izin dan limpah kurniaNya saya dapat menyiapkan laporan atau tesis ini tepat pada masanya.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua pensyarah Jabatan Senibina Dalaman yang telah membimbing saya dalam proses menyiapkan tesis ini terutamanya kepada Cik Mawar binti Masri selaku penyelia dan juga koordinator THE 386.

Atas bimbingan para pensyarah, saya dapat membetulkan segala kesalahan saya dalam menyiapkan tesis ini.

Terima kasih yang tak terhingga kepada En Mad Hazib bin Atan selaku pengurus Tempat Peranginan Tanjung Piai yang banyak membantu dan memberi kerjasama yang baik sepanjang saya menjalankan kajian tentang Cadangan Menaitaraf Ruang Dalaman tempat peranginan Tanjung Piai. Segala maklumat yang diberikan banyak memberi panduan kepada saya dalam menyediakan kertas cadangan yang baik dan dapat dijadikan panduan kepada generasi yang akan datang.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah, Taman Negara Tanjung Piai, MurtadzaNuri Architect dan Jabatan Senibina Dalaman Kampus Sri Iskandar Perak.



ABSTRAK

Projek akhir ini merupakan cadangan menaiktaraf sebuah resort iaitu Resort Tanjung Piai yang terletak di atas Lot PTD 1276, Serkat, Pontian, Johor. Resort ini menyediakan penginapan yang selesa dan mendamaikan kerana ianya terletak di persisiran Selat Johor.

Tujuan utama pengkajian ini dijalankan terhadap projek ini adalah bagi menyediakan sebuah tempat peranginan yang lebih selesa dan memberi kepuasan kepada pengunjung. Di samping itu, ia bertujuan menyelesaikan masalah tentang perancangan ruang yang dianggap kurang sistematik. Selain itu ianya juga adalah bagi memberi imej baru kepada tempat peranginan Tanjung Piai agar lebih dikenali dan dikunjungi ramai pelancong pada masa akan datang.

Kaedah kajian yang dijalankan terhadap projek ini adalah melalui pemerhatian terhadap resort yang telah sedia ada iaitu dari segi potensi, kadar pengunjung yang datang, jumlah staff dan aspek-aspek lain yang berkaitan. Kaedah temubual juga dijalankan terutamanya dengan pengurus resort ini bagi mendapat maklumat yang diperlukan. Selain itu kaedah soalselidik dan kritikan juga dijalankan bagi mendapatkan gambaran sebenar tentang keperluan dan matlamat projek.

Pemilihan Resort Tanjung Piai sebagai projek akhir adalah kerana didapati tempat peranginan ini mempunyai beberapa masalah yang harus diselesaikan. Masalah yang didapati adalah dari segi ruang dalamannya yang agak terhad dan perancangan ruang yang kurang sistematik. Oleh yang demikian, dengan terhasilnya laporan lengkap Resort Tanjung Piai ini, dapatlah menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan resort ini.



PENGHARGAAN.....	i-ii
ABSTRAK.....	iii
ISI KANDUNGAN	
SENARAI RAJAH	
SENARAI GAMBAR	

ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
---------------	------------

BAB 1.0 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Definisi resort.....	1
1.3 Skop kajian.....	2
1.4 Matlamat kajian	2
1.5 Objektif kajian.....	2
1.6 Metodologi	3
1.7 Kepentingan kajian kepada masyarakat.....	4
1.8 Kepentingan kajian kepada pihak pengurusan.....	4



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Malaysia mempunyai banyak tempat pelancongan yang menarik. Pelancongan merupakan sektor kedua terbesar yang menyumbang kepada ekonomi negara selepas sektor perindustrian. Dengan adanya sektor pelancongan juga, nama negara dikenali di serata dunia. Pelancong-pelancong asing yang berkunjung ke Malaysia, secara tidak langsung telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Resort atau tempat peranginan sangat terkenal sebagai sebuah tempat pelancongan dan rekreasi yang menyediakan perkhidmatan seperti tempat penginapan dan juga hiburan. Resort biasanya dibina di kawasan pelancongan yang mempunyai pemandangan yang menarik dan persekitaran yang mendamaikan seperti di kawasan yang berhampiran dengan laut. Para pengunjung berkesempatan menikmati keindahan alam sekitar disamping merehatkan tubuh dan minda. Perkhidmatan serta suasana resort baik akan memberi kepuasan kepada para pengunjung.

1.2 Definisi resort

Resort atau tempat peranginan adalah satu tempat yang popular sebagai tempat rekreasi dan percutian yang menyediakan perkhidmatan seperti tempat penginapan dan juga hiburan.